

# PEMBANGUNAN KEROHANIAN BERASASKAN AL-MUHASIBI DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL MASA KINI

**Norfadilah Binti Abdul Rahman**  
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah  
norfadilah@kiperak.edu.my  
+60192442194

**Prof. Dato' Zakaria Bin Stapa**  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[karia@ukm.edu.my](mailto:karia@ukm.edu.my)  
+60389213518

## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi iaitu Abu <sup>°</sup>Abd Allah Harith al-Muhasibi (w.243H) dalam menangani gejala sosial masa kini. Beliau merupakan tokoh sufi yang mula menyusun dan membukukan tentang tasawuf dan telah mengkaji bidang ini dengan mendalam. Ia mempunyai dua objektif iaitu untuk memperkenalkan ketokohan seorang tokoh sufi abad ketiga Hijrah dan menonjolkan konsep dan pandangan Abu Harith al-Muhasibi berkaitan pendekatan kerohanian insan yang berteraskan pendidikan kejiwaan dalam usaha menangani gejala sosial masa kini. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan dengan menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada karangan al-Muhasibi seperti *al-Ri'ayah li huquq Allah*, *Risalah al-Mustarshidin* dan lain-lain. Data sekunder pula diperolehi daripada tulisan tokoh-tokoh ilmuwan terkini yang telah membincangkan tentang al-Imam Abu Harith Al-Muhasibi. Data-data yang diperolehi telah di analisis secara kritis bagi mencapai objektif-objektif kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep pembangunan rohani insan menurut al-Muhasibi adalah bertunjangkan ketakwaan kepada Allah dan berpaksikan beberapa metode pendidikan kejiwaan seperti *muhasabat al-nafs*, *riyadah dan mujahadah* kepada Allah, aspek-aspek positif diri insan seperti *khawf* dan *raja'*, mengingat kematian dan mengenal kebaikan dan keburukan dan *muraqabah* dapat dibina melalui proses menyahkan aspek-aspek negatif dalam diri seperti riyak, ujub, takbur, terperdaya dan hasad. Manusia yang baik menurut al-Muhasibi ialah manusia yang dibangunkan jiwanya menurut kehendak Allah. Kajian ini menyimpulkan bahawa konsep pembangunan kerohanian al-Muhasibi sebenarnya masih relevan dan sesuai untuk dimanfaatkan dalam masyarakat Islam hari ini. Konsep pembangunan kerohanian al-Muhasibi ini mampu menjadi salah satu alternatif dalam usaha menangani permasalahan gejala sosial dalam kehidupan masyarakat kini.

## ABSTRACT

This research discusses the spiritual development according to al-Muhasibias a reference to solve current social symptoms. The study has two objectives namely to introduce a charismatic sufi figure of the third century Hijrah and to highlight Abu Harith al-Muhasibi's concept and perspective of spiritual development in educational psychology and to explain the relationship of his concept as the base in solving current social symptoms. This study uses the library research method which uses two types of data namely primary and secondary sources. The primary data were obtained from the writings of al-Muhasibi, for instance, *al-Ri'ayah li huquq Allah* and *Risalah al-Mustarshidin*. The secondary data were retrieved from the latest writings of modern scholars on al-Muhasibi. The data obtained were critically analysed to achieve the objectives of this research. The findings of this study reveal that the concept in al-Muhasibi's view is based on spiritual development of man. Based on devoutness to Allah and equipped with several methods of educational psychology such as *muhasabat al nafs, riyadah and mujahadah* to Allah, human positive aspects namely *khawf and raja'*, remembering death, recognising good and evil and *muraqabah* will be realised through the process of obliterating negative aspects in one's self such as conceit, vanity, pride, deceit and envy. According to al-Muhasibi, a good man is someone whose soul is developed according Allah's will. Therefore, this study concludes that al-Muhasibi's concept on human development is still relevant and suitable in today's Muslim society. Hence, the concept of al-Muhasibi is one of the alternatives to overcome social symptoms in present day society.

### 1.0 PENDAHULUAN

Saban hari masyarakat disodorkan dengan segala macam masalah gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Senario ini menggambarkan krisis moral yang dihadapi umat Islam semakin meruncing dan seolah-olah telah mula mendominasi kehidupan ummah kini. Walaupun pelbagai usaha yang telah dijalankan dalam membanteras isu ini, namun ianya belum menunjukkan tanda-tanda yang positif untuk berkurangan bahkan fenomena keruntuhan akhlak ini semakin menjadi-jadi dari sehari ke sehari dan tetap menjadi isu yang hangat dalam laporan akhbar, internet dan sebagainya hingga boleh mengancam keselamatan masyarakat, bangsa, negara dan khususnya pada agama.

Gejala sosial yang melanda ummah kini dikatakan akibat langsung dari pengabaian pembangunan aspek dalaman insan. Pembangunan fizikal yang berteraskan pembangunan dimensi ekonomi secara keterlaluan telah mewujudkan pelbagai perubahan sosio budaya masyarakat. Misalnya, budaya mengejar kemewahan, individualistik, suka berseronok dan rapuhnya ikatan kasih sayang di antara sesama keluarga dan sebagainya yang bertentangan dengan norma masyarakat sebelum ini adalah gambaran realiti kehidupan yang dialami oleh masyarakat kini. Pembangunan masyarakat yang banyak terarah kepada pembangunan material akan mewujudkan suasana masyarakat yang lebih cenderung kepada kesenangan materialistik, menukar sikap tolong-menolong dan mengambil berat masalah ummah kepada sifat individualistik dan mementingkan diri sendiri. Akibatnya, masyarakat tidak lagi peka terhadap isu-isu yang melibatkan ummah hingga menyebabkan masyarakat mengalami krisis moral yang telah mencapai tahap yang kritikal. Senario ini telah mula berlaku sejak lebih kurang dua puluh tahun kebelakangan apabila Prof. Mohd Kamal Hasan (1981:3) dalam Kertas Kerja beliau yang bertajuk Pembangunan Manusia Secara Bersepadu dan Implikasinya ke atas Pendidikan Kebangsaan yang mengatakan bahawa walaupun kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar dan pendapatan kapita meningkat, namun masih wujud juga masalah-masalah seperti inflasi, kenaikan harga barang keperluan asasi, kesesakan kota, ketidaksamarataan pendapatan yang kian meluas, pengangguran, pembaziran sumber-sumber alam dan tenaga, pencemaran alam sekitar yang makin gawat dan krisis perumahan yang meruncing terus menggugat ketenteraman hidup rakyat, terutama golongan yang berpendapatan rendah.

Oleh itu, pembangunan perlu dikonsepsikan secara lebih menyeluruh dari sekadar peningkatan pendapatan dan kemewahan material. Pembangunan sebenarnya menuntut kita untuk mengambil kira manusia itu terlebih dahulu agar pembangunan itu mesra manusia dan kesejahteraan mereka. Dengan ini, perlu difahami bahawa matlamat akhir pembangunan bukanlah untuk tujuan pertumbuhan material

semata-mata, sebaliknya ia adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia agar masyarakat yang wujud kelak bukanlah dari kalangan manusia yang hanya kaya material akan tetapi miskin jiwanya, tandus sosio budayanya dan juga gersang nilai-nilai kerohaniannya.

## 2.0 GEJALA SOSIAL MASA KINI DAN FAKTOR-FAKTORNYA

Menurut *Oxford Dictionary Of Sociology* (1998:62) gejalasosial adalah masalah sosial yang bersifat temurun yang terjadi dalam suatu kondisi yang menyimpang dari segi perangai dan kelakuan di mana ianya manifestasi dari tiadanya organisasi yang berkuatkuasa sebagai agen perubah. Kebiasaannya masalah ini merujuk kepada bentuk penyimpangan kelakuan (*deviant*) seperti jenayah, juvana, perilaku delikuanasi, pelacuran, penyakit mental, ketagihan dadah, pembunuhan diri diatas konflik kehidupan.

John Macionic (2004:9) pula berpandangan bahawa masalah sosial berlaku dalam empat situasi, pertama, satukeadaanmasyarakat yang menyusahkansepertitidakmempunyaipekerjaan, kekuranganduitperbelanjaan, jenayah yang menakutkan, sertatoksidataubahan-bahan yang beracunmerosakkanbumi.Kedua, keadaan yang wujud tanpa disedari dan ianya melemahkan dalam diam-diam sehingga menyakitkan manusia dan akibatnya menyusahkan.Ketiga, satu isu yang terjadi mengikut jenis-jenis yang berbeza dan kebiasaannya membahayakan.Keempat, keadaan yang mengakibatkan kemarahan orang awam dan menimbulkan kontroversi.

Imam al-Ghazali pula melihatpermasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan umat Islam adalah hasil daripada kegagalan memahami dan menghuraikan Islam dengan baik.Kesan daripada kesilapan memahami konsep hidup manusia maka umat Islam sendiri telah menjadi suatu umat yang menghadapi pelbagai penyakit jiwa, ekonomi, sosial dan sebagainya yang sukar dihadapi (Arena 2005:247).

Sehubunganitu, Yusuf al-Qardawidalamkaranganbeliaujuga turut berpandangan bahawa masalah sosial umat Islam berpunca daripada sikap sebahagian besar mereka yang lupa diri dan lupa tentang kehendak Islam yang sebenarnya. Mereka gagal membezakan antara musuh dan kawan.bertuhankan hiburan, nafsu dan kebendaan. Golongan ini, diertikan beliau dengan golongan yang menjadikan dunia sebagai kepentingan utama dalam kehidupan (Arena 2005:247).

Ringkasnya, gejala sosial adalah suatu keadaan penyimpangan perilaku atau akhlak yang bertentangan dari norma kehidupan masyarakat yang melibatkan pelbagai golongan sama ada dari golongan muda ataupun golongan dewasa. Keadaan ini akan memberi kesan yang negatif kepada diri, keluarga, agama, dan masyarakat seterusnya mengancam kesejahteraan dan keamanan bangsa dan negara sekiranya tiada usaha pencegahan dilakukan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Mustapha Man (2004:318), gejala sosial dapat dibahagikan kepada lima bahagianberikut, iaitupertama, gejalasosial yang mengancamkeselamatannyawaseperti AIDS/HIV positif, dadahpilectstasy, rogol-bunuh, samsengjalanraya, lumba haram danbunuh-bakar. Kedua, mengancam keselamatan keturunan seperti budaya *coupling*, pengguguran dan pembuangan bayi.Ketiga, penyalahgunaan seks seperti seks bebas, seks sejenis, rogol dan sumbang mahram.Keempat, budaya negatif seperti budaya tidak kisah, tidak minat belajar, lepak, punk, remaja lari dari rumah, fitnah, unsur lucah dan ganas dalam media.Kelima, mengancam keselamatan harta seperti judi/mesin slot, rasuah, politik wang, vandalisme, dan pencemaran alam.

Banyak pendapat dan kajian dikemukakan bahawa masalah sosial masyarakat sama ada dadah, seksual atau kekerasan, berpunca daripada pengaruh persekitaran, keluarga, rakan-rakan dan faktor hiburan. Hasil dapatan kajian Fariza Mohd Syam (2005:194) yang mendapati bahawa faktor personaliti boleh menyebabkan tekanan dalam kalangan remaja. Penulisan beliau turut disokong dalam tulisan Imam al-Ghazali (1967), Mohd Uthman Najati (1992) dan Harussani Hj Zakaria (2004) yang mengatakan bahawa ketidaktenteraman jiwa manusia adalah punca sifat-sifat seperti kelemahan hati, kelemahan akal dan kelemahan iman, terpengaruh dengan nafsu dan mempunyai penyakit hati. Hal ini turut di akui dalam Disertasi Norfadilah Abdul Rahman (2010:157) mengatakan bahawa faktor utama

yang menjadi punca isu penyimpangan nilai dalam kalangan masyarakat kini adalah disebabkan peribadi insan yang memiliki pelbagai sifat-sifat keji seperti sifat materialistik, sombong dan bangga diri, bosan, marah, takut dan sebagainya. Akibat jiwa yang tipis dengan rasa keimanan kepada Allah s.w.t, maka manusia tidak dapat membezakan di antara kebaikan dan keburukan dan di antara kebenaran dan kebatilan sekaligus mendorong dirinya melakukan perkara-perkara kemaksiatan hingga hilanglah segala perikemanusiaan.

Insan yang lemah jati diri adalah disebabkan lemahnya iman di dada. Hal ini adalah berpunca daripada pegangan agama yang goyah. Amalan meninggalkan ajaran-ajaran al-Qur'an dan seruan-seruan al-Sunnah dalam kehidupan seharian, pasti membawa diri kepada kerosakkan dan kepincangan dalam hidup. Tanpa didikan agama yang kukuh, manusia tidak mempunyai pegangan hidup dan tidak takut untuk melakukan sesuatu perkara walaupun bertentangan dengan Islam. Dosa dan pahala dirasakan seolah tidak punya erti dalam kehidupan hatta mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk memuaskan hati mereka (Hashim@Fauzi 2002:72).

### **3.0 LATAR BELAKANG AL-MUHASIBI**

Nama sebenar al-Muhasibi adalah *Syaikh al-Imam al-<sup>c</sup>Alim al-Zahid al-War<sup>c</sup> al-Harith bin Asad al-Muhasibi* r.a yang dilahirkan di Basrah pada 165H bersamaan dengan tahun 781 M. Menurut pengkaji moden yang menyelidik tentang al-Muhasibi mendapati beliau berasal dari keturunan Anzah yang diambil sempena nama daerah tempat tinggal mereka di Basrah (Sahin Filiz 2006:59). Gelaran al-Muhasibi terhadap beliau berdasarkan kesungguhan beliau dalam mempraktikkan sendiri amalan *muhasabat al-nafs* terhadap dirinya melalui analisa kejiwaan dirinya sendiri dengan sentiasa menghitung-hitung setiap goresan-goresan yang terdapat pada jiwanya sehingga dia sangat mengetahui akan kehendak jiwanya, mengenal perilaku jiwanya dan mengenal rahsia-rahsia yang tersirat di dalamnya. Amalan ini dilakukan oleh beliau secara langsung bertepatan dengan sebuah *Athar* (pepatah) daripada Saidina <sup>c</sup>Umar al-Khatab yang bermaksud: "Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisabkan (al-Muhasibi 1990:47)"

Al-Muhasibi telah menghabiskan sebahagian besar daripada usianya di Baghdad dengan mempelajari berbagai jenis ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja terkenal dalam bidang tasawuf, tetapi mahir di dalam bidang Fekah, Hadis, ilmu Kalam, ilmu Bahasa dan juga ilmu tentang al-Qur'an (Arena 2000:64). Tahap ketinggian ilmu al-Muhasibi tidak dapat disangkal apabila beliau telah banyak berguru dengan ramai tokoh ilmuan Islam yang terkenal dan termasyhur dengan kepakaran masing-masing. Misalnya dalam bidang ilmu tasawuf, al-Muhasibi dikatakan telah mula mempelajari ilmu tasawuf daripada gurunya Abu al-Fayd Dhu al-Nun al-Misri (w.245H/859M) yang merupakan tokoh sufi pertama yang membicarakan tentang *ahwal* dan *maqamat* di Mesir (Smith 1973:80). Menurut Sahin Filiz (2006:60) yang memetik kata-kata Ibn Taymiyah (w.728H/1328M) mengatakan bahawa al-Muhasibi telah berguru dengan <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Kulab (w.241H/855M) untuk mendalami bidang Ilmu Kalam. Sementara dalam bidang Fekah pula, al-Muhasibi telah berguru dengan Abu <sup>c</sup>Abd Allah Muhammad b. Idris al-Shafi'i (w.204H/820M) atau lebih dikenali dengan gelaran Imam al-Shafi'i rahimahullah (Smith 1973:73).

Hasil-hasil tulisan al-Muhasibi menunjukkan bahawa beliau seorang tokoh sufi yang banyak memberi penekanan dalam aspek akhlak dan kejiwaan insan. Di antara buku-buku karangan beliau yang masyhur ialah *Riayah li Huquq Allah*, *Risalah al-Mustarsyidun*, *Adab al-Nufus*, *al-Wasaya* dan banyak lagi. Al-Muhasibi telah memulakan kehidupannya di Baghdad setelah ayahnya mengambil keputusan untuk berpindah ke Baghdad dan menetap di sana hinggalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir di Baghdad pada tahun 243H bersamaan dengan 857M (al-Nashar 1975:275).

### **4.0 PEMBANGUNAN KEROHANIAN AL-MUHASIBI DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL MASA KINI**

Insan menurut al-Muhasibi adalah termasuk dalam golongan makhluk hidup sama seperti malaikat dan haiwan. Setiap makhluk hidup, pasti mempunyai tabiat masing-masing. Misalnya tabiat malaikat adalah tabiat ketaatan, Allah s.w.t. telah memberikan akal dan penglihatan untuk mengetahui segala

suruhan dan larangan-Nya. Dia juga telah membebaskan mereka dari hawa nafsu dan keseronokan syahwat agar mereka taat dengan segala perintah-Nya. Tabiat haiwan pula adalah berlawanan dari tabiat malaikat. Ianya lebih berlandaskan kepada keinginan syahwat tanpa dibekalkan akal fikiran dan penglihatan. Namun, Allah s.w.t. berkuasa mentakdirkan mereka agar tidak menuruti segala kehendak syahwatnya (al-Nadwa 1994:36).

Tabiat insan adalah gabungan daripada tabiat malaikat dan tabiat haiwan. Allah s.w.t. menganugerahkan akal fikiran kepada insan untuk mengetahui perintah dan larangan-Nya serta memahami kesan dan akibat daripada setiap perbuatan dan tindakan yang telah mereka lakukan. Allah s.w.t. juga telah membekalkan mereka dengan berbagai naluri seperti naluri menyukai perkara yang disukai dan membenci sesuatu perkara yang dibenci dan menyakiti mereka. Anugerah akal fikiran yang disediakan juga adalah untuk melawan pujukan-pujukan nafsu yang mempengaruhi naluri insan untuk melakukan perkara-perkara bertentangan dari ajaran-Nya (al-Muhasibi 1990:251).

Kehidupan insan sangat berkait rapat dengan tabiat semulajadinya yang mewakili tabiat haiwan dan tabiat malaikat. Insan yang mempunyai naluri haiwan mampu bertindak mengikut kehendak sendiri sehingga tindakan mereka kadang-kadang terkeluar jauh dari perhitungan pemikiran manusia seperti berdusta, menipu memperdayakan orang dan sebagainya selagi dapat menuruti kehendak syahwat mereka. Sebaliknya, insan yang mempunyai tabiat malaikat yakni taat dengan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta tidak tunduk dengan pujukan-pujukan syahwat akan membawa insan untuk mencapai tahap ketaqwaan. Oleh itu, insan mempunyai kecenderungan untuk melakukan kebaikan atau keburukan berdasarkan pendidikan dan pengaruh yang dilaluinya. Sepertimana yang telah disebutkan dalam al-Qur'an, al-Shams 91 :7-10:

﴿دَسَّنَهَا مِنْ حَابٍ وَقَدَّ ﴿١﴾ رَزَقْنَاهَا مِنْ أَلْفَحٍ قَدَّ ﴿٢﴾ وَتَقَوَّنَاهَا فُجُورَهَا فَأَهْمَهَا ﴿٣﴾ سَوَّيْنَاهَا وَمَا وَنَفْسٍ ﴿٤﴾﴾

Maksudnya:

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya), serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa, Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Justeru, dalam usaha memastikan pembangunan kehidupan insan sentiasa terarah ke jalan ketakwaan maka, al- Muhasibi berpandangan bahawa aspek rohani dan dalaman insan perlu dibangunkan terlebih dahulu kerana sifat takwa dan takut merupakan sifat hati insan yang berbentuk abstrak dan tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera luaran manusia. Keadaan ini dikenali sebagai fenomena perkara-perkara yang ghaib (*ghaybiyyat*) seperti roh, jiwa, hati, dan akal. Keempat-empat komponen berikut mempunyai peranan yang bertimbal balik dalam mendorong manusia untuk mempunyai sifat kemanusiaan yang bersih dan suci. Unsur-unsur tersebut sangat penting dalam diri setiap insan bagi menentukan perbuatan dan tingkahlaku luaran manusia (Arena 2000:69).

#### 4.1 Pendekatan al-Muhasibi dalam Pembangunan Kerohanian

Dalam menilai konsep pembangunan kerohanian berteraskan pendidikan kejiwaan ini, maka beliau telah menggunakan pendekatan *muhasabat*, *riyadah* dan *mujahadat al-Nafs* yang menjadi asas dalam pembinaan diri insan.

##### 4.1.1 *Muhasabat al-Nafs*

Ianya merupakan suatu proses pembaikan jiwa dengan melihat dan merenung serta menganalisa perihal jiwa dan tingkah laku manusia secara keseluruhan sepanjang kehidupannya sehari-hari. Konsep *muhasabat al-Nafs* yang dianjurkan oleh al-Muhasibi juga turut berbicara dalam konteks



menghitung-hitung dan mengenalpasti musuh-musuh manusia yang menjadi pendorong dan penyebab jiwa insan dalam kelalaian dan kemunggaran (al-Muhasibi 1990:45,331-332).

Muhasabah jiwa menurut al-Muhasibi boleh dilakukan melalui dua keadaan. iaitu *muhasabah* dalam perbuatan-perbuatan yang akan datang dan *muhasabah* dalam perbuatan-perbuatan yang telah lalu (al-Muhasibi 1990:45).

*Muhasabah* dalam perbuatan-perbuatan yang akan datang ialah merenung dan memerhati tingkahlaku jiwa dengan cara *tathbut*. *Tathbut* adalah cara pengendalian jiwa insan agar tidak tergesa-gesa dalam melakukan sebarang tindakan dan perbuatan yang menyimpang. Hal ini sangat penting kerana cara ini dapat membantu insan mengetahui dan menyelidiki kebaikan dan keburukan sesuatu perkara terlebih dahulu. Oleh itu, Al-Muhasibi menyarankan agar *tathbut* perlu diiringi dengan ilmu pengetahuan, agar sesuatu yang bermanfaat boleh dikerjakan dan sesuatu yang mudarat perlu ditinggalkan (al-Muhasibi 1990:48).

Keperluan *muhasabah* pada perbuatan yang akan datang terdapat di dalam al-Qur'an, al-Hashr 59:18:

﴿تَعْمَلُونَ بِمَا خَبِيرَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ وَاتَّقُوا الْعَدِيدَ قَدْ مَتَّ مَنَافْسٌ وَلْتَنْظُرْ اللَّهُ اتَّقُوا الَّذِينَ يَتَأْتِيهَا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.

Manakala *muhasabah* dalam perbuatan-perbuatan yang telah lalu pula adalah menghitung-hitung jiwa dengan cara mengambil iktibar dan pengajaran daripada perbuatan dan tingkahlaku yang telah dilakukan sebelum itu. Jika perbuatan itu berupa dosa dan maksiat maka jiwa perlu ditekan untuk berasa insaf dan menyesal dengan perbuatan tersebut seterusnya segera bertaubat kepada Allah s.w.t. Al-Muhasibi berpandangan bahawa setiap hari dari umur insan tidak akan lari dari melakukan dosa-dosa yang baru sama ada dari dosa anggota badan atau dosa-dosa hati (al-Muhasibi 1990:49).

#### 4.1.2 *Riyadah dan Mujahadah Al-Nafs*

Al-Muhasibi berpandangan bahawa *riyadah* dan *mujahadah* adalah berjuang melawan segala tabiat jiwa dengan mengarahkannya untuk selalu menentang kemahuan hawa nafsu dan bisikan syaitan yang sentiasa berada padanya. Kedua-dua unsur ini sememangnya sering memujuk insan untuk mencintai keduniaan dan lalai dari mengingati Allah s.w.t (al-Muhasibi 1990:331-332, al-Muhasibi 1991:61 dan al-Nadwa 1994:79).

Sehubungan itu, beliau berpandangan bahawa langkah pertama dalam memerangi jiwa dan sekutunya yang mempunyai gelora syahwat adalah membiasakannya dengan diam (*al-sumt*). Disamping itu cuba menghalanginya dari hal-hal yang boleh menyibukkannya ke arah keduniaan. Orang yang diam akan banyak menyedari kesalahan dan kelalaiannya selama ini. Dengan cara ini, dia akan menyesal dengan segala kemunggaran yang dilakukan. Seterusnya, hendaklah insan mencaci nafsunya berterusan kerana tindakan-tindakan nafsu mendorongnya untuk melakukan kejahatan. Hal ini akan menyebabkan insan kembali mengingati perbuatan-perbuatan buruknya dan menjadikan dia merasai penyesalan yang berpanjangan. Dalam keadaan ini, hati akan mula menjadi sedih, air mata akan mula mengalir lantas lidah ringan untuk beristighfar kepada Allah s.w.t. di atas semua kejahatan yang dikerjakannya selama ini. Dengan demikian dia akan bertekad untuk meninggalkan segala bentuk dosa kerana bimbang akan kemurkaan Allah Ta'ala (al-Muhasibi 2003:211-222).

Seterusnya, dengan memperbanyakkan berpuasa dan berzikir. Sebab nafsu akan menjadi kuat apabila makan dengan berlebihan. Ketika merasa lapar, jiwa akan patuh dan tunduk. Lantas ketika itu seseorang boleh mula mencela jiwanya sendiri dengan mengingatkannya dengan azab Allah s.w.t. Dengan demikian dia akan mula sedar dan kembali merenung segala perbuatannya yang lalu. Hal ini akan mendorong insan untuk mula bermunajat kepada Allah s.w.t, membaca al-Qur'an dan menghayatinya, memahami hadis-hadis Rasul Allah s.a.w serta mula mendekatkan diri dengan pengajian-pengajian ilmu (al-Muhasibi 2003:212-213).

Di antara usaha lain dalam amalan *riyadah* dan *mujahadah* yang boleh dilakukan adalah dengan berdebat pada nafsu seperti berdebat dengan seorang musuh yang zalim, pengkhianat yang licik dengan mengajukan bukti-bukti yang adil berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sentiasa menyelidiki nafsu dengan aib-aibnya, membayangkan kepedihan siksa neraka, mewujudkan sifat *khawf*. Jika nafsu melihat siksa itu dengan penglihatan akal dan mata keyakinan maka ia tidak akan berkuasa menguasai diri manusia lalu tertunduk. Namun, situasi begini belum cukup menentang nafsu kerana ia sebenarnya menjalankan agenda lain untuk memujuk manusia kembali untuk menjadi pengkhianat dan lalai kepada Allah s.w.t. Jika hal ini berlaku, ajukanlah hujah dan perlihatkanlah siksa kepadanya, berikanlah harapan kepadanya dengan pahala dan bukti yang meyakinkan, mintalah pertolongan kepada Allah s.w.t. untuk mengatasinya, berharaplah mendapatkan keampunan dan bertawakal kepada Allah dengan mempercayai-Nya (al-Muhasibi 1990:334).

Al-Muhasibi menyarankan agar insan perlu istiqamah dalam mengerjakan amalan *riyadah* dan *mujahadah* diri. Ini kerana, musuh-musuh tersebut tidak pernah berpisah dengan insan. Ia akan terus-menerus mengawasi insan hingga setiap gerakan manusia tidak akan luput dari pengawasan mereka. Mereka juga akan mengetahui apa sahaja yang hendak dikerjakan oleh manusia. Ketika seseorang akan berbuat baik, maka dia akan segera menghalanginya tanpa harus mengetahui apa yang dibicarakan oleh jiwa (al-Muhasibi 2003: 153).

## **4.2 Proses Pembangunan Kerohanian Menurut al-Muhasibi**

Bagi memastikan diri insan terus terbangun secara sempurna sepertimana acuan Islam, maka kajian ini mendapati bahawa al-Muhasibi telah menggunakan beberapa proses dalam usaha mempraktikkan pembangunan kerohanian berasaskan pendidikan kejiwaan. Penulis melihat bahawa proses ini amat penting peranannya dalam mewujudkan insan kamil di sisi Allah s.w.t. kerana hanya insan yang sudah terbangun dengan sempurna sahaja akan dapat mengurus dan mentadbir alam ini dengan baik. Oleh yang demikian, proses pembangunan kerohanian menurut perspektif al-Muhasibi adalah melibatkan dua komponen asas diri insan iaitu komponen asas-asas negatif dan komponen asas-asas positif.

### **4.2.1 Menyahkan komponen asas-asas negatif diri insan**

Al-Muhasibi berpendapat bahawa faktor kejelekan perbuatan manusia adalah berpunca dari jiwa dan hati insan yang tidak terbangun dengan sempurna. Keadaan ini merupakan akibat langsung dari hati yang tidak istiqamah dalam melawan hasutan-hasutan hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hati dikuasai oleh nafs al-ammarah (al-Muhasibi 2001:323).

Hati yang telah ditawan oleh *nafs al-ammarah* akan menimbulkan pelbagai sifat-sifat madhmumah dan ianya mendorong insan untuk memiliki akhlak-akhlak yang keji. Keadaan yang sebegini telah dikenali oleh al-Muhasibi sebagai fenomena penyakit rohani insan. Menurut al-Muhasibi komponen-komponen negatif yang berada dalam diri insan ini perlu disingkirkan dari jiwa kerana ianya merupakan maksiat batin yang boleh merosakkan diri sendiri atau orang lain disekelilingnya sehingga membawa mudarat kepada kehidupan, fikiran dan jiwa (al-Muhasibi 2003:84). Oleh itu, al-Muhasibi telah mengenalpasti lima jenis penyakit jiwa yang menjadi punca utama dalam mendorong insan untuk terjerumus ke dalam dosa dan noda ialah riyak, ujub, takbur, terperdaya, dan hasad.

## a) **Riyak**

Menurut al-Muhasibi riyak merupakan keinginan hawa nafsu dan syahwat (al-Muhasibi 1990:189). Hakikat riyak yang dimaksudkan oleh al-Muhasibi adalah insan yang melakukan amal kebajikan kerana mengharapkan sesuatu ganjaran dan mahukan pujian orang disekelilingnya. Hal ini telah menghilangkan sifat ikhlas kepada Allah s.w.t. Sesungguhnya sifat riyak adalah suatu perbuatan yang tercela di sisi Allah s.w.t.(al-Muhasibi 1990:180-181).

Riyak berasal dari tiga sumber kejahatan nafsu iaitu: cinta pujian, takut dicela dan terhina di dunia dan tamak terhadap apa yang ada pada manusia (al-Muhasibi 1990:167).Riyak biasanya terjadi pada perkara-perkara berikut. Misalnya riyak terhadap tubuh badan, iaitu menunjukkan kehebatan tubuh badannya sama ada kuat, sasa, cantik, langsing dan sebagainya semata-mata untuk mendapatkan sanjung oleh orang lain. Selain itu, riyak dengan gaya, iaitu dengan memakai pakaian-pakaian yang lusuh atau dianggap dia seorang yang zuhud ataupun memakai pakain yang cantik-cantik dan berkualiti tinggi untuk mempamerkan kemewahan yang ada padanya. Riyak juga boleh terjadi dalam ucapan dan kata-kata yakni menunjuk-nunjuk kebolehannya berhujah supaya orang ramai mempercayai kata-katanya dan menyanjung kehebatannya. Riyak dengan amal pula adalah menunjuk-nunjuk akan amal ibadat kepada orang ramai supaya dilihat sebagai ahli ibadat, warak dan soleh. Adapun riyak dengan keturunan adalah menghebah-hebahkan kepada orang ramai akan asal keturunannya, bilangan keturunannya yang ramai dan juga menyebut-nyebut kelebihan-kelebihan yang terdapat pada kaum keluarganya kepada orang di sekelilingnya (al-Muhasibi 1990:179-184).

Al-Muhasibi berpendapat bahawa manusia yang bersifat riyak akan mendorong dirinya untuk melakukan akhlak-akhlak yang tercela dan boleh mencatitkan tingkahlakunya. Di antara perbuatan-perbuatan keji itu termasuklah *riyasah* (suka diagungkan), *mubahah* (membangga diri), *tafakhur* ( bermegah-megah), *tahasud* (iri hati) dan *hubb al-ghalabah* ( cinta kemenangan) (al-Muhasibi 1990:223).

Orang yang mempunyai riyak akan senang jika dipuji dan disanjung, inilah yang dinamakan sebagai *riyasah*, suka merendahkan dan menghinakan orang yang lebih rendah kedudukan darinya, tidak suka ucapannya dibantah, tidak senang ilmunya disamakan dengan orang lain. Jika diberi nasihat, maka dia akan marah dan jika menasihati, dia mencaci maki sehingga nasihatnya diterima (al-Muhasibi 1990:2233). Manakala *mubahah* pula merujuk sifat bangga dengan ilmu dan amalnya. Apabila ada orang bertanya padanya akan sesuatu perkara maka dia akan cepat-cepat menjawab, bila jawapannya mengena dengan soalan tersebut maka dia akan mencanangkannya kepada orang lain bahawa dia adalah orang yang benar dalam memberikan jawapan. Sedangkan bangga dengan amal, misalnya ibadat solat, jika orang lain solat maka dia akan bersegera pula solat kerana bimbang kalau orang itu melebihi solatnya dan dia tidak akan senang pada orang yang bersolat bersamanya kerana bimbang kelebihan dirinya dalam solat tidak terlihat (al- Muhasibi 1990: 224-225).

*Tafakhur* adalah bermegah-megah dengan agama dan dunia. Bermegah-megah boleh juga didapati dari sifat takbur, tetapi bermegah yang berasal dari riyak adalah kerana merasa sedih apabila ada orang lain yang lebih mendahuluinya, berbangga-bangga dengan banyaknya harta dan urusan-urusan dunia yang lain. Apabila ada orang lain menyainginya dan mendapat lebih dari dirinya sama ada dari pujian, kedudukan, pangkat, ilmu serta amalan, timbul pula sifat *tahasud*. Dia menginginkan agar nikmat tersebut hilang dari orang tersebut agar tiada siapa pun yang akan menyanjung orang tersebut(al-Muhasibi 1990: 225-226).

*Hubb al- ghalabah* pula biasanya berlaku pada suasana perdebatan. Dia sering menolak kebenaran kepada orang yang menyerukannya dan suka berdebat agar tidak dikatakan orang itu lebih pintar darinya. Tidak senang bila dikatakan hujah yang diberikan salah atau telah dikalahkan oleh sesiapa. Keinginannya hanyalah membantah dan membuat pergaduhan hingga sanggup menghina manusia lain (al-Muhasibi 1990: 227-228).



## **b) Ujub**

Al- Muhasibi menyebut ujub sebagai sifat bangga diri (al-Muhasibi 1990: 337). Ujub boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu, ujub dengan agama dan ujub dengan dunia. Pertama: ujub dengan agama merujuk kepada bangga terhadap amalan yang dikerjakan, bangga terhadap pendapatnya yang benar dalam memberikan hujah. Manakala ujub dengan dunia adalah merasa kagum dengan segala kelebihan dan kehebatan yang ada pada dirinya, terhadap banyak harta yang dimiliki, dan banyak serta mulianya keturunan.

Sifat ujub boleh membawa kepada sifat takburdan sombong (al-Muhasibi 1990:337). Sebagaimana peristiwa yang berlaku dalam sejarah kaum <sup>c</sup>Ad. Mereka telah ujub dengan kekuatan dan keperkasaan diri mereka dan percaya akan terbebas dari azab Allah s.w.t. Hal ini telah menggambarkan bahawa sifat ujub boleh mendorong manusia untuk melakukan perkara-perkara yang mungkar seperti angkuh diri sampai terlupa untuk bersyukur dengan segala nikmat pemberian Allah s.w.t. Keadaan ini akan membawa manusia kepada kesesatan dan mengalami kehancuran (al-Muhasibi 2003:367).

Justeru, insan yang bersifatujujukanmemberikesan yang buruk terhadap dirinya. Di antaranya ialah meluputkan pelbagai rasa kesalahan dan dosa kerana orang yang ujub akan merasakan dirinya sentiasa berada dalam keadaan yang benar dalam melakukan ketaatan. Ujubmendorong manusia untuk berlaku sombong dan merasa lebih mulia di hadapan orang ramai atas ketinggian ilmu yang dimilikinya. Dia menyangka bahawa anugerah itu sememangnya wajib diberikan oleh Allahs.w.t kepadanya hingga dia terlupa untuk bersyukur. Dengan itu, dia akan menyebut-nyebut segala amal kebajikannya. Akibatnya, dia tidak mendapat pahala dari amal kebajikan itu bahkan mendapat azab dari Allah s.w.t (al-Muhasibi 1990:337).

## **c) Takbur**

Takbur adalah sombong diri. Al- Muhasibi mengatakan bahawa takbur merupakan penyakit jiwa yang paling besar, dan darinya akan menimbulkan pelbagai macam petaka sebab sifat takabur cepat mendatangkan kemarahan disisi Allah s.w.t dan ianya adalah dosa besar (al-Muhasibi 1990:375).

Takbur mempunyai kaitan dengan ujub, riyak dan hasad. Takbur yang ditimbulkan dari ujub adalah berlegar pada ruang ujub dalam agama dan dunia iaitu merasa kagum dengan ilmu dan amal. Keadaan ini dapat dilihat apabila seorang yang berilmu ujub dengan ilmunya, maka ujubnya akan mendorong pada takbur kepada orang ramai. Dengan sifat sombongnya pasti dia akan menghina, menjauhkan, meremehkan orang yang lebih rendah ilmunya dan mengungkit-ungkit kebaikan yang diajarkannya. Selain itu, dia beranggapan bahawa dirinya berhak mendapatkan kehormatan terhadap kedudukan yang pangkatnya mulia, lantas dia menuntut orang yang disekelilingnya mendahului salam kepadanya, memaksa mereka dan marah jika sesuatu haknya disembunyikan atau keperluannya tidak dipenuhi. Jika dia berdebat pasti dia menolak kebenaran walaupun dia mengetahuinya (al-Muhasibi 1990:377).

Manakala takbur yang ditimbulkan oleh riyak pula adalah merujuk kepada suatu perdebatan. Oleh kerana dalam dirinya ada sifat sombong dan riyak maka dia tidak menerima pandangan orang lain walaupun pandangan itu benar. Dia berbuat demikian kerana merasa bimbang jika kedudukannya jatuh disebabkan perdebatan itu. Manakala takabur yang ditimbulkan oleh kedengkian pula ialah merasa sombong untuk meminta maaf kepada orang yang didengkinya apabila dia menzaliminya dan menolak kebenaran yang datang darinya atas dasar permusuhan atau dendam. Sebab sesuatu yang timbul dari riyak dan dengki terkadang dia berakhlak dengan akhlak takbur, walaupun dia tahu bahawa dia lebih rendah daripada orang yang diriyaknya, didengkinya atau dimusuhinya (al-Muhasibi 1990:390-393).

Justeru, al- Muhasibi telah membahagikan takbur itu kepada dua jenis iaitu: takbur antara hamba dengan Tuhan mereka dan takbbur antara hamba dengan hamba. Takbur antara hamba dengan Tuhannya adalah menolak ajaran Allah s.w.t dan seruan para Rasul, menolak perintahnya, memusuhinya dan menentang perintahnya (al- Muhasibi 1990:378-379). Manakala takbur antara

hamba dengan hamba pula adalah sombong dengan nikmat-nikmat pemberian Allah s.w.t termasuklah takbur dengan kemuliaan keturunan, kecantikan, kekuatan, harta dan banyaknya bilangan (al-Muhasibi 1990:381).

Hakikat sombong ini ada dua jenis iaitu pertama; menghinakan dan merendahkan mereka di mana memandang dirinya lebih baik daripada mereka. Dia memandang mereka dengan meremehkan dan menghinakan. Kedua: menolak untuk menerima kebenaran yang disampaikan kepada mereka padahal dia tahu bahawa yang disampaikan itu adalah kebenaran.

#### **d) Terperdaya (*Ghurur*)**

*Ghurur* yang dimaksudkan oleh Al- Muhasibi adalah terperdaya dengan Allah s.w.t., *ghurur* boleh dilakukan baik orang kafir mahupun orang muslim. Sifat *ghurur* adalah sebahagian kejahilan. Jahil yang ditimbulkan dari pelbagai sebab dan punca, antaranya jahil dari suatu kepercayaan atau suatu pendapat yang disangkanya benar sedangkan hakikatnya yang sebenarnya adalah salah, ataupun jahil yang terhasil dari kekeliruan atau sangkaan yang salah dimana dia menganggapnya sebagai dalil dan bukti (al- Muhasibi 1990:427).

Sesungguhnya terperdaya tentang Allah s.w.t. itu adalah berpunca dari tipu daya nafsu dan iblis. Iblis telah dilaknat dari rahmat Allah disebabkan sifat *ghurur* yang telah menguasai dirinya. Menyangka bahawa dirinya adalah lebih baik dari Adam dengan memberikan hujah-hujah dan alasan-alasan-alasan yang disangkanya benar. Hal ini telah diungkapkan dalam pepatah Arab “ *tidak ada suatu daya kekuatan yang mengheret diri kepada kerugian lebih dari sangkaan*”. Sangkaan yang telah menjadi keyakinan dalam sepanjang hidupnya, tanpa disedari dia hanya mengejar bayang-bayang. Beginilah keadaannya orang yang telah dikuasai sifat *ghurur*, merasakan diri tidak perlu kepada nasihat atau teguran dari orang lain. (al-Muhasibi 1990:431).

Oleh yang demikian, al- Muhasibi telah membahagikan *ghurur* kepada dua bahagian. *Ghurur* dari kalangan orang-orang kafir dan *ghurur* dari kalangan orang mukmin yang derhaka (al-Muhasibi 1990:427). Orang kafir yang telah terperdaya tentang Allah s.w.t. dan terperdaya dengan akhirat ini terjadi dengan melihat segala kemurahan tindakan Allah s.w.t yang memuliakan, meninggalkan dan melapangkan rezeki mereka selama di dunia. Dalam hal ini, mereka menyangka bahawa hal itu telah diberikan kepadanya adalah semata-mata kerana kedudukannya di sisi Allah s.w.t. dan ianya memang berhak untuk mendapat sebegitu di atas kebaikan yang dilakukannya. Hal inilah yang mengakibatkan mereka terperdaya untuk meninggalkan petunjuk al-Qur’an dan al-Sunnah. Selain itu, mereka juga terperdaya dengan segala nikmat dunia sepanjang kehidupannya hingga lalai dengan hukuman Allah s.w.t dan menyangka bahawa Allah s.w.t tidak akan memberikan siksa di dunia dan mereka akan diberi petunjuk kerana kedudukannya yang mulia disisi Allah s.w.t (al-Muhasibi 1990:431).

*Ghurur* dari kalangan mukmin yang derhaka pula dijelaskan al-Muhasibi sebagai golongan yang terperdaya dengan dunia dari akhirat. Dunia yang diciptakan Allah s.w.t sememangnya mempunyai pelbagai keindahan, keseronokan dan kemewahan. Namun segalanya adalah bersifat sementara dan bukan kekal untuk dinikmati selamanya. Manusia yang sedar akan hakikat kejadian dirinya akan mengerti bahawa segala perhiasan keduniaan ini adalah suatu cubaan dan ujian Allah s.w.t terhadap hamba-hamba-Nya. Sebaliknya, manusia yang lalai akan mudah tergoda dan ternoda dengan keindahan-keindahan ciptaan Allah s.w.t tersebut sehingga melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya (al-Muhasibi 1990: 432-433).

Orang mukmin yang terperdaya ini menyangka bahawa perbuatan dan tindakannya melakukan maksiat atau kefasikan adalah suatu perkara yang kecil dan ringan walaupun perkara itu berupa kesalahan dalam agama. Dengan alasan bahawa Allah Maha Pengampun dan Maha Pemberi Rahmat yang akan memberikan pengampunan kepadanya maka mereka berharap akan diberi keampunan atas segala kesalahan mereka. Sangkaan ini hanyalah berupa ingatan dia terhadap *raja*’ kerana mentauhidkan Allah s.w.t. atau kerana mengenangkan keluarganya yang soleh untuk mengesakan Allah s.w.t. Dia melakukan *raja*’ tetapi masih melakukan maksiat dengan hati yang senang, tidak menyesal dan tidak berusaha untuk meninggalkannya. Inilah yang dikatakan kekeliruan terhadap

pengertian *raja'* yang sebenar dan ianya adalah *ghurur* seorang yang mempercayai keesaan Allah s.w.t atas dorongan hawa nafsunya sendiri (al-Muhasibi 1990: 432-433).

#### e) **Hasad**

Al-Muhasibi telah membahagikan hasad kepada dua bentuk iaitu, pertama; hasad yang dibolehkan (*mubah*). Kedua ; hasad yang haram. Hasad yang dibolehkan (*mubah*) bermaksud *munafasah* (persaingan atau perlumbaan) (al-Muhasibi 1990:477).

Hasad yang *munafasah* berlaku apabila seseorang yang melihat nikmat orang lain baik dalam agama mahupun dunia. Dia merasa sedih kerana Allah s.w.t. tidak memberikan nikmat tersebut kepadanya. Dia bercita-cita untuk memperolehi nikmat itu dan berusaha untuk mendapatkannya di samping tidak ada langsung timbul perasaan dendam untuk menyaingi orang tersebut. Dalam hal ini hasad dibolehkan untuk bersaing dan keinginannya adalah kebaikan (al-Muhasibi 1990:478).

Hasad yang kedua adalah hasad yang membenci nikmat yang dimiliki oleh seseorang dan mengharap agar nikmat itu hilang darinya. Keadaan ini berlaku jika seseorang hamba melihat sebuah nikmat pada seorang hamba yang lain, maka dia tidak akan merasa bahagia dengan kenikmatan itu, lalu dia akan membenci dan merendah-rendahkan nikmat tersebut dan berasa gembira apabila nikmat itu hilang darinya. Hasad yang kedua ini adalah haram dan ianya sangat dicela oleh Allah s.w.t (al-Muhasibi 1990:483).

Hasad yang dibenci ini wujud daripada sifat takbur, ujub, dendam, permusuhan, kebencian, riyak, cinta kedudukan dan kepimpinan, ingin lebih tinggi dari orang lain dan membenci kebaikan yang terdapat di dalam hati seseorang (al- Muhasibi 1990:483).

Hasad yang wujud dari takbur adalah merasa sombong dengan orang yang lebih rendah daripada kedudukannya dan menolak orang lain agar tidak lebih tinggi darinya atau menyamai dirinya baik dalam persoalan agama ataupun keduniaan. Sebab dia menganggap bahawa orang itu tidak berhak untuk mengecapi nikmat sebegitu dan berasa dia lebih layak untuk mendapat nikmat itu. Seperti itu juga hasad dengan kedudukan, gilakan nama dan kemasyhuran, manusia yang berhasad tidak akan menerima sebarang kebenaran yang disampaikan kepadanya. Dia menolak dan menentang segala ucapan orang yang dihasudinya walaupun hal itu adalah benar. Ini bertujuan supaya dia dapat mengaburi orang di sekelilingnya untuk menentang orang yang dihasudi dan tunduk kepadanya sehingga dia menjadi pemimpin, mendapatkan nama dan kedudukan yang mulia (al-Muhasibi 1990:485).

Manakala hasad yang timbul dari dendam, permusuhan dan kebencian adalah hasad yang paling berat. Ianya bermula daripada pelbagai perasaan keji termasuklah iri hati, marah yang berterusan, bakhil yang bukan miliknya dan sebagainya hingga menyebabkan berlaku permusuhan dan timbulnya rasa dendam dan niat yang jahat untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap orang lain. Orang yang benci tidak akan suka melihat orang yang dibencinya memiliki kenikmatan yang datang dari Allah s.w.t. dan dia sangat senang melihat orang itu berada dalam bencana (*syamatah*) dan nikmat itu hilang daripadanya. Hasad yang berasal dari permusuhan dan kebencian ini akan menimbulkan implikasi yang banyak seperti peperangan, rampasan harta, mengumpat, fitnah-memfitnah terhadap orang yang dihasudi dan sebagainya. Fenomena ini mewujudkan kehidupan yang tidak harmoni dan tidak selesa (al- Muhasibi 1990:485). Sebab itulah Allah s.w.t.sangat membenci orang-orang beriman yang berhasad disebabkan oleh kebencian dan permusuhan.

Al-Muhasibi (1990:486-487) berpandangan bahawa hasad merupakan penyakit hati yang amat keji. Hasil dorongan sifat dendam dan *su'u zan* terhadap seseorang telah membuka diri insan untuk bersifat kebencian, iri hati, permusuhan, *ghibah*, marah dan pelbagai sifat-sifat tercela yang lain. Fenomena sebegini sememangnya memutuskan sifat kasih sayang sesama insan, merosakkan kerukunan hidup bersaudara, jiran tetangga, masyarakat dan seterusnya negara.

#### 4.2.2 Menerapkan Komponen Asas-Asas Positif Diri Insan

Berteraskan konsep *muhasabat*, *riyadah* dan *mujahadah-Nafs* dalam merenung dan menghitung-hitung perilaku jiwa dan juga musuh-musuh manusia, al-Muhasibi sangat menekankan agar jiwa perlu sekuatnya menentang syahwat dan menjauhkan pelbagai kecenderungannya dengan cara mengkesampingkan macam-macam keseronakkan dan kesenangan jiwa. Dalam menghadapi situasi ini, aspek-aspek asas positif diri insan perlu dibangkitkan dan disemai dalam jiwa agar ruh keimanan dan ketakwaan mula tertanam dalam diri insan. Maka, di antara aspek-aspek positif dalaman diri insan tersebut adalah *khawf dan raja'*, mengingat kematian, mengenal kebaikan dan keburukan dan *muraqabah*.

##### a) *Khawf dan raja'*

Menurut al-Muhasibi rasa takut (*khawf*) adalah menakuti jiwa insan terhadap perkara-perkara akhirat, detik kematian, kebesaran Allah s.w.t dan rasa takut dalam melakukan perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan Allah s.w.t agar tidak terus-menerus melakukan larangan-Nya. Tahap *khawf* dalam diri insan adalah berbeza mengikut kadar dosa dan kejahatan yang dilakukan (al-Muhasibi 1990:62-66).

*Raja'* dapat diertikan dengan berharap, baik sangka dan bersyukur kepada Allah s.w.t (al-Muhasibi 1990:80). Berharap ertinya pengharapan insan terhadap segala amalan ketaatan yang dilakukannya kepada Allah s.w.t diterima dan mendapat balasan pahala daripada-Nya. Ianya termasuklah mengharapkan kedekatan dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah s.w.t sepertimana kedudukan para hamba-Nya yang beramal saleh serta mengharapkan syurga di akhirat kelak (al-Muhasibi 1990:343).

Berbaik sangka pula merujuk kepada insan yang tidak pernah berputus asa dengan rahmat pengampunan Allah s.w.t selepas bertaubat dari perbuatan yang mungkar (al-Muhasibi 1990:433). Hal ini penting agar mereka tidak berputus asa untuk mencapai keredaan Allah Ta'ala disebabkan dosa-dosanya yang lalu. Sifat putus asa akan menyebabkan mereka meninggalkan taubat kepada Tuhannya sekaligus terputus dari mentaati-Nya (al-Muhasibi 1990:434).

*Khawf dan raja'* merupakan motivasi seorang hamba agar bertaubat dan tidak terus-menerus bergelumbang dalam dosa. Rasa takut (*al-khawf*) akan memberikan akibat daripada menjauhi apa-apa yang dibenci Allah s.w.t dan dari itu timbul rasa harap (*al-raja'*) supaya bersabar terhadap apa yang dibencinya. Namun, rasa takut dan harap akan hilang jika jiwa dipengaruhi oleh hawa nafsu. Diantara *mujahadah* jiwa yang boleh dilakukan bagi mengekang kemahuan hawa nafsu adalah dengan berzikir kepada Allah s.w.t, berfikir tentang hari yang dijanjikan Allah s.w.t, memberi perhatian dan peringatan yang kuat akan kemurkaan Allah s.w.t dan kepedihan siksa-Nya di hari akhirat kelak (al-Muhasibi 1990:60).

Sifat *khawf* (rasa takut) dan *raja'* (rasa harap) dapat diwujudkan melalui pemahaman yang mendalam terhadap *al-wa'd* (janji baik) dan *al-wa'id* (ancaman). Hal ini termasuklah ilmu-ilmu tentang akhirat, ilmu alam kubur dan siksa-Nya, ilmu tentang syurga dan neraka dan sebagainya. Al-Muhasibi pernah ditanya tentang penjelasan *khawf dan raja'* dalam kaitannya dengan kedudukan janji baik Allah s.w.t dan janji buruk-Nya.

Penghayatan *al-wa'd* (janji baik) dan *al-wa'id* (ancaman) Allah s.w.t tidak akan dikecapi melainkan insan perlu berusaha bersungguh-sungguh memahami dan menghayati segala maksud yang tersirat dalam kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah secara teliti. Sebab suatu yang ghaib tidak akan terlihat dengan mata kasar melainkan dengan mata hati yang yakin dan benar.

##### b) Mengingat kematian

Al-Muhasibi berpandangan bahawa insan yang sedar dan berhati-hati adalah insan yang mengingat hari kematian. Manakala insan yang lalai pula adalah insan yang panjang angan-angan dan lupa mengingat hari kebangkitan (al-Muhasibi 1991:119).

Panjang angan-angan ialah menganggap bahawa maut masih lambat menimpa diri sehingga terlupa bahawa saat kematian akan tiba pada bila-bila masa sahaja. Orang yang panjang angan-angan telah dikuasai keinginan untuk hidup dalam jangka waktu yang panjang. Tujuan hidupnya semata-mata untuk mengumpulkan harta dunia dan berseronok-seronok dengan nikmat duniawi. Hal ini juga dikatakan sebagai perbuatan maksiat (al-Muhasibi 1990: 134-135).

Orang yang lalai dibenci Allah Ta'ala dan menyebabkan hati menjadi keras. Hati yang keras menghilangkan kemanisan amal, hilangnya kemanisan amal mengurangkan taat, kurangnya taat maknanya kurang bersyukur, apabila meninggalkan syukur segala amalannya menjadi rosak (al-Muhasibi 1991:120).

Oleh yang demikian, al-Muhasibi menganjurkan agar jiwa insan diingatkan dengan kematian dan menjadi insan yang selalu sedar. Insan yang sedar dan hati-hati dalam kehidupan akan mendorong dirinya untuk melakukan amal kebaikan sedangkan insan yang lupa dan lalai membawa dirinya kepada kejahatan (al-Muhasibi 1991:119).

Selain itu, al-Muhasibi berpandangan bahawa jiwa yang sedar dan jaga juga akan mudah untuk melakukan *muhasabah* terhadap segala perbuatan dan tindakannya dengan berhati-hati. Sedih jika melakukan kejahatan dan bersyukur serta bergembira dengan amal kebajikan yang dilakukan. Manakala insan yang lalai adalah insan yang membiarkan hari-harinya berlalu dalam keadaan hatinya yang sombong dan terlalu gembira dengan sesuatu nikmat yang diperolehi (al-Nadwa 1994: 63).

Insan yang ingat kepada kematian adalah insan yang menyegerakan taubat ketika mana dia sedar melakukan dosa. Al-Muhasibi telah menjelaskan bahawa taubat itu bererti menyesali perbuatan buruk yang telah dilakukan dan bertekad untuk tidak lagi mengulangi perbuatan dosa tersebut serta menjauhkan diri daripada hal-hal yang boleh menjerumuskan ke dalam dosa.

Al-Muhasibi berpendapat bahawa sedar dan taubat mempunyai hubungan yang sangat kuat kerana diri yang jaga akan mewujudkan taubat. Diri manusia yang tidak jaga maka dia tidak sedar akan kebodohan jiwanya dan padanya tidak sampai untuk melakukan taubat, dengan itu dia tidak mengenal dosa dan pahala (al-Muhasibi 2003). Kekuatan taubat itu terletak pada takutnya dia kepada azab Allah s.w.t. dan mengharap akan amalan yang dilakukan diterima serta mendapat balasan pahala (al-Muhasibi 1990:80).

### c) **Mengenal kebaikan dan kejahatan**

Menurut al-Muhasibi, kebaikan adalah terhimpun padanya amalan-amalan yang bersungguh-sungguh hanya semata-mata kerana Allah s.w.t. di samping meninggalkan kejahatan. Segala amal kebaikan perlu disandarkan dengan ilmu dari petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, menjalankan amal kepada Allah s.w.t. dengan niat yang ikhlas sama ada amalan-amalan yang wajib mahupun sunnah. Di antara amalan-amalan tersebut termasuklah taat dan menjauhkan diri dari perbuatan dosa, bercakap benar, meninggalkan cinta dunia dengan berzuhud dan menjaga maruah serta meninggalkan segala maksiat. Insan yang meninggalkan maksiat secara berterusan adalah bertuah di sisi Allah s.w.t. dan darjatnya lebih tinggi daripada ahli ibadat (al-Muhasibi 1991:78).

Justeru, al-Muhasibi berpandangan bahawa kebaikan dapat diperolehi dengan cara mengenal kejahatan dan kebaikan. Langkah utama menuju kebaikan adalah selepas tersedar dari kejahatan. Kebaikan yang hakiki adalah sesuatu yang tiada padanya kejahatan.



Oleh itu, insan yang tergolong dalam ahli kebaikan adalah mampu mengenal dan mengetahui perihai kejahatan. Sumber kejahatan terbahagi kepada dua faktor, ianya terdiri dari faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah lemahnya jiwa manusia dalam menangkis godaan-godaan hawa nafsu dan syahwat, manakala faktor luaran pula adalah gangguan iblis atau syaitan yang menjadikan jiwa sebagai tempat penghubungnya (al-Nadwa 1994:77).

Jiwa insan yang tidak dilatih dengan taat kepada Allah s.w.t. akan mewujudkan jiwa yang tunduk kepada tabiat syahwat. Tabiat syahwat tiada kepuasan dan tidak ada batas sempadan. Diumpamakan seperti api yang sentiasa membara dan menyala. Jika gelora syahwah yang tiada sempadan ini dituruti dan diikutkan akan membawa diri kepada kerendahan, bahkan menjunamkan diri ke lembah kehinaan. Keinginan yang melampau inilah yang telah disebut dalam al-Qur'an sebagai *al-hawa* yakni hawa nafsu. Hawa nafsu juga adalah keinginan dan kecenderungan yang menyimpang atau melampaui batas, menuju kepada kejahatan dan ia sememangnya jauh dari panduan Allah s.w.t. dan Rahmat-Nya. Apabila hawa nafsu telah menguasai jiwa manusia maka ia sentiasa dihubungkan dengan pelbagai sifat-sifat yang keji seperti sifat tidak beriman, sifat sesat, sifat kebendaan, sifat mendustai ayat-ayat Allah, sifat zalim, sifat lalai dan sifat tidak berilmu serta lebih berasaskan sangkaan semata (al-Muhasibi 1991: 88).

Sedangkan syaitan pula adalah lambang kejahatan. Ia telah menjadikan syahwat dan hubungannya dengan tuntutan jasmani manusia sebagai jalan laluan untuk menjalankan peranannya yang disebut dengan *ghurur*, pengeliruan, dan penggodaan sehingga manusia menjadi hamba kepada hawa nafsu seperti hamba kepada dunia yang mana hamba wang, hamba perempuan dan hamba perhiasan (al-Muhasibi 1990:66).

#### d) *Muraqabah*

Al-Muhasibi berpandangan bahawa *muraqabah* adalah ilmu hati untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. Melazimi hati dengan ilmu-ilmu Allah agar hati terus-menerus tunduk kepada Allah s.w.t. dalam apa jua keadaan sekalipun sama ada ketika diam mahupun ketika bergerak (al-Muhasibi 2003:196). Hati yang *muraqabah* kepada Allah s.w.t. adalah hati yang cekal (*saluba*) di dalam menjalani hukum-hukum Allah, menyuruh kepada kebaikan dan menegah dari kejahatan (al-Muhasibi 1988:182).

Asas utama dalam *muraqabah* adalah keyakinan hati dalam mengetahui bahawa Allah selalu melihat dan memperhatikan gerak-geri manusia. Yakin dan percaya bahawa petugas Allah s.w.t. yakni malaikat setiap detik akan mencatat dan menghitung segala perbuatan insan baik berupa kebaikan mahupun keburukan (al-Muhasibi 2000:197).

*Muraqabah* pada pandangan al-Muhasibi boleh dilakukan dalam tiga keadaan iaitu *muraqabah* dalam mentaati segala perintah-Nya dengan memperbanyakkan amalan dan ibadat, *muraqabah* pada perkara maksiat dengan meninggalkannya dan *muraqabah* pada hemah yakni berusaha untuk memperbaiki diri dari sebarang keaiban dan bimbang untuk melakukan perbuatan-perbuatan kemungkaran (al-Muhasibi 1988:181).

Bagi al-Muhasibi (2003:197), hati yang dihiasi dengan *muraqabah* akan menandakan hatinya hidup dan bersih. Sebab orang yang bermuraqabah akan tekun dan ikhlas dalam melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t. disamping menimbulkan rasa kekurangan dalam amal kebajikan dan selalu berusaha untuk menambahkan amalan-amalan yang baik. Kesedaran, pengertian dan keyakinan sedemikian boleh membawa insan untuk selalu mengkoreksi dirinya secara kuat kerana dia merasakan bahawa Allah s.w.t. melihat segala perbuatan yang dikerjakannya. Hal ini secara tidak langsung membuka ruang-ruang kebaikan dan mendorong insan untuk memiliki sifat-sifat takwa dan terpuji seperti sifat syukur dengan nikmat, sabar dalam kesusahan, dan menjadi seorang yang pemaaf. Apabila hati insan dapat dihiasi dengan sifat-sifat *mahmudah* maka hati akan sentiasa berada dalam keadaan yang tenang dan bahagia.

### 4.2.3 Proses Kesempurnaan Pembangunan Insan Melalui *al-Ahwal wa al-Maqamat*

Setelah jiwa dimurnikan dari sifat-sifat dasar negatif dan mengisinya dengan sifat-sifat dasar positif diri insan, ini tidak bermakna jiwa sudah sembuh dari penyakitnya. Kesempurnaan jiwa yang sebenar adalah dapat melahirkan kesucian hati yang benar-benar mampu mengenal Allah s.w.t. seterusnya boleh mengaplikasikan konsep ihsan dalam setiap amalan dalam seluruh kehidupannya. Maka pendidikan kejiwaan yang seterusnya perlulah menempuh cara yang sesuai dengan tingkatan *al-Ahwal* (bentuk jamak dari hal) dan *al-Maqamat* (bentuk jamak dari maqam) setiap insan. Ianya merupakan suatu proses tahapan sifat-sifat *mahmudah* menuju martabat insan yang paling tinggi iaitu *ma'rifah* Allah s.w.t iaitu taubat, warak, zuhud, sabar, tawakal, reda, syukur dan *mahabbah* (al-Muhasibi 2003:143-193).

#### a) Taubat

Menurut al-Muhasibi, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh insan yang ingin menuju ketenangan jiwa adalah bertaubat. Taubat yakni menyesali perbuatan buruk yang telah dilakukan dan bertekad untuk tidak lagi mengulangi perbuatan dosa tersebut serta menjauhkan diri daripada hal-hal yang boleh menjerumuskan ke dalam dosa. Manusia yang terus menerus dalam dosanya dan tidak berhenti dari melakukan berbagai keburukan dan kerosakkan akan dipenuhi hatinya dengan hawa nafsu, dia tidak akan merasa takut bahawa Allah s.w.t adalah tempat kembalinya di akhirat kelak bahkan dia tidak sedikitpun takut akan siksaan Allah s.w.t terhadapnya (al-Muhasibi 2003:145).

Taubat merupakan kunci dalam merawat jiwa yang sakit, kerana ianya membukakan cita-cita dan harapan baru dalam kehidupan manusia. manusia yang benar-benar bertaubat bermakna dia telah kembali menyucikan jiwanya dari berbagai penyakit, syahwat dan keburukan-keburukan yang terhasil daripadanya.

Oleh kerana itu, jiwanya perlu disekat dengan kesibukan dunia yang menyebabkan kelalaian hatinya. Rasa harap dan takutnya kepada Allah s.w.t. perlulah diwujudkan dalam fikirannya bahawa Allah s.w.t. tidak akan menyayangi hamba yang cepat berputus asa dan Dia tidak membangkitkan hati manusia kepada pengharapan untuk taubat walaupun rasa pengharapan itu bergelojak dalam hatinya. Di samping itu, hatinya perlu sentiasa merenung kembali akan hak-hak Allah s.w.t. yang telah dilanggarnya sebelum ini dengan melakukan *muhasabah* yang berterusan sehingga dia dapat mengenalpasti dosa-dosanya yang telah lalu seperti pernah menzalimi manusia lain baik terhadap harta atau kehormatannya. Selain itu, dalam usaha bertaubat juga setiap insan perlu bertekad untuk tidak melakukan semula dosa-dosanya sebelum ini dan juga bertekad untuk memohon maaf kepada mereka-mereka yang telah dizalimi agar dia terbebas dari persengketaan di hadapan Allah s.w.t. kelak serta hendaklah dia melaksanakan segala kewajipan-kewajipan Allah kepadanya (al-Muhasibi 2003:145-146).

Oleh itu, taubat perlulah disegerakan kerana ianya merupakan kewajipan bagi orang-orang yang berdosa. Tambahan pula, kehidupan di dunia bukanlah kehidupan yang abadi, kehidupan akhirat adalah penentu segalanya. Detik kematian seseorang tidak diketahui bilakah masanya. Manusia yang bertaubat sebelum ajal menjelma adalah baik baginya tetapi rugilah pada manusia yang tidak sempat untuk bertaubat sebelum kematiannya. (al-Najar 2004a:234).

#### b) Warak

Hasil taubat yang murni menghasilkan warak. Warak pada pemahaman al-Muhasibi adalah menghitung dan menganalisa perkara-perkara yang dibenci oleh Allah s.w.t. Ianya merangkumi seluruh aspek dalam kehidupan termasuk soal makanan, nafkah, harta dan sebagainya. Jiwa insan yang telah benar-benar berazam untuk kembali kejalan Allah s.w.t. akan memastikan dirinya memilih sesuatu perkara dalam keadaan yang halal dan diberkati Allah s.w.t (al-Muhasibi 2003:154).

Intipati dalam warak adalah meninggalkan sesuatu yang menjadi keraguan pada status sesuatu perkara untuk memilih perkara yang sama sekali tidak diragukan serta menghisab setiap hal yang dibenci Allah s.w.t baik tindakan fizikal, hati atau anggota tubuh badan dan menjauhkan diri dari

meninggalkan segala perkara yang telah difardukan, baik dalam hati mahupun anggotan badannya (al-Muhasibi 2003:153).

Sifat warak dapat terbentuk daripada perasaan takut kepada Allah s.w.t. Keadaan hati yang takut kepada Allah s.w.t ini dapat diwujudkan melalui makrifat (mengenal Allah s.w.t dengan baik). Ianya dapat dilaksanakan dengan hati yang benar-benar mengenal keagungan Allah s.w.t dan meneliti segala perkara-perkara yang menjadi kemurkaan-Nya. Semakin besar kadar makrifat dalam hati seseorang, maka akan semakin besar juga rasa takutnya kepada Allah s.w.t. (al-Muhasibi 2003:154).

Insan yang sukar mewujudkan sifat warak dalam diri adalah disebabkan kecenderungan jiwa yang berlebihan terhadap dunia, merasa tamak dengan harta dan selalu bercita-cita untuk mendapatkannya. Maka, hal ini dapat diatasi melalui penerapan dan amalan sifat *qana'ah* (menerima apa yang ada) dan *tawadu'* (rendah hati) perlu dihadirkan dalam diri setiap insan. Kedua-dua sifat ini merupakan lawan dari sifat *takathur* (suka menimbun harta) dan *al-kibr* (sombong). Seseorang yang padanya ada sifat *tawadu'* di dunia, bererti dia telah membersihkan hatinya dari sifat sombong dan tiada keinginan untuk menjadi terkenal dan masyhur serta terhindar darinya dari berbagai dosa tentang keseronokkan dunia. Begitu juga dengan sifat *qana'ah* terhadap harta yang diperolehinya. Sifat ini menatijahkan dirinya untuk tidak bersangat-sangat dalam menimbun harta dan mencari kekayaan. Dirinya akan berasa rela walaupun dengan rezekinya yang sedikit dan sentiasa berasa cukup dengan harta yang dimilikinya (al-Muhasibi 2003:64).

Akan tetapi, bagi seorang hamba harus berhati-hati, jangan sampai dia merasa warak hanya apabila dirinya tidak memiliki sebarang harta atau dalam keadaan fakir dan miskin lantas dengan itu dia mengaku sebagai seorang warak. Begitu juga di saat dia dapat meninggalkan apa yang dibenci Allah s.w.t. Sebab keadaan ini dibimbangi akan dimasuki penyakit riyak. Tetapi, berbeza dirinya apabila dia dalam keadaan mampu, jiwanya tidak lagi warak dan memenuhi apa yang menjadi kehendaknya. Sesungguhnya, sikap warak itu tidak akan nampak kecuali seorang hamba itu berada dalam ujian Allah s.w.t dengan meninggalkan syahwat (al-Najar 2004a: 237).

Justeru, sifat warak perlu diwujudkan dalam apa jua keadaan sekalipun samada warak pada anggota zahir mahupun batin. Warak zahir dapat dilatih melalui pengendalian harta kekayaan, sedangkan warak batin adalah menghilangkan rasa permusuhan dan dengki dalam hati. Orang yang warak sama sekali tidak akan memiliki penyakit jiwa kerana sifat warak merupakan hasil dari taubat hati dan seluruh anggota jasmani. Sikap inilah yang mendatangkan ketenangan jiwa.

### c) **Zuhud**

Jiwa yang dapat mengenalpasti kebencian Allah s.w.t. sepenuhnya akan mewujudkan sifat zuhud. Zuhud menurut al-Muhasibi bukanlah bererti larangan terhadap kenikmatan dunia dan jiwa, akan tetapi zuhud yang dimaksudkan adalah zuhud dengan meninggalkan dan membenci sesuatu yang tidak disukai Allah s.w.t dengan mengekang keinginan hawa nafsu dan tabiatnya. Yakni, seseorang itu hendaklah membebaskan dirinya dari pengaruh jiwa dan dunia serta mengajak jiwanya untuk memperhatikan ajakan Allah s.w.t. untuk mengabdikan kepada-Nya (al-Muhasibi 2003:155).

Islam menggalakkan manusia mencari harta sebanyak mungkin, tetapi awas jangan sampai menjadi manusia yang tamak, rakus, bakhil dan sebagainya. Sebaliknya, Islam juga tidak mahu hamba hidup menderita, merempat, mengemis kerana dengannya kita akan jadi hina. Sebab itu, sifat zuhud yang disemai dan ditanam dalam jiwa itu perlulah digabungkan dengan sifat-sifat *mahmudah* yang lain seperti sifat *qana'ah* (merasa cukup dengan apa yang ada), bersyukur dan bertafakur dengan segala nikmat pemberian Allah s.w.t., sifat pemurah, memendekkan angan-angan, melakukan taubat, bersuci, menjauhkan rasa besar hati, tetap dengan *tawadu'*, memakmurkan hati dengan takwa, tidak berhenti-henti merasa sedih dalam menghadapi dunia yang datang padanya dan berbagai-bagai lagi (al-Muhasibi 2003:158).

Oleh sebab itu, dalam soal mengumpul harta kekayaan, tidaklah bererti ianya memberi alasan supaya kita tidak perlu bekerja kuat. Cukup sekadar apa yang telah tersedia dan tidak perlu berusaha untuk mendapat nikmat yang lebih dari yang tersedia ada. Anggapan ini adalah tidak menepati

pelaksanaan zuhud yang sebenar, kerana ianya memungkinkan kita menjadi umat yang lemah dan tidak bertamadun serta memudahkan musuh-musuh Islam untuk menipu dan menghancurkan kita. Perlu ditegaskan disini bahawa zuhud yang benar memerlukan kerajinan berusaha dalam pelbagai bidang selagi ianya tidak menyalahi syariat. Ia adalah untuk memenuhi amar makruf yang mempunyai pelbagai keperluannya. Sebab *a'marraf* yang dituntut dalam Islam tidak terlaksana dengan sempurna lantaran kekayaan yang diusahakan oleh orang-orang Islam yang tidak bersifat zuhud. Membina sifat tamak dan rakus dalam diri menyebabkan usaha kebaikan terbantut bahkan mewujudkan kerosakan kehidupan di dunia dan akhirat.

#### d) Sabar

Sabar menurut al-Muhasibi adalah tahap untuk mencapai reda, iaitu menerima pemberian Allah s.w.t tanpa disertai rasa mengeluh walaupun sedikit (al-Muhasibi 2003:171). Bersabar itu dapat dilakukan dalam tiga hal iaitu sabar dalam menjalankan ketaatan kepada Allah s.w.t, sabar untuk meninggalkan kemaksiatan kepada Allah dan sabar ketika menerima musibah dunia (al-Muhasibi 1988:180). Pertama, sabar atas ketaatan sememangnya mempunyai banyak halangan apatah lagi keadaan ini bukanlah sejajar dengan keinginan jiwa dan tabiatnya. Tabiat liar nafsu menimbulkan rasa malas pada hati untuk melaksanakannya. Maka kesabaran perlulah terlebih dahulu membaiki niat dan ikhlas, sabar dari riyak yang merosakkan dan sabar untuk menguatkan azam. Ketika mengerjakan ketaatan pula hendaklah sentiasa berjaga dan waspada dari dorongan yang boleh menyebabkan diri untuk berhenti dari melakukan ketaatan (al- Muhasibi 2003:172).

Sabar dalam meninggalkan kemaksiatan. Ianya berkait dengan sabar atas segala keinginan hawa nafsu yang menjadi urusan syaitan seperti kesihatan, keselamatan, harta kekayaan, kedudukan dan semua jenis kelazatan dunia. Tidak dinafikan bentuk kesabaran ini adalah berat. Namun, seorang hamba yang benar-benar telah bertekad untuk berubah kepada kehidupan ketaqwaan maka dia perlu menguatkan jiwanya untuk menimbulkan rasa sabar dalam semua urusan. Termasuklah sabar ketika marah. Seorang yang sabar dalam menahan kemarahan menunjukkan kekuatan emosi dan ketahanan jiwa dalam menanggung derita. Sabar yang sedemikian bukanlah merupakan sikap yang pasif tetapi sabar yang mempunyai erti "percaya diri" dan merasa tenang dalam menerima ketentuan dari Allah s.w.t. Hal ini penting kerana *nafs al-ammarah* akan cenderung kepada sifat permusuhan dan ketertarikannya daripada kecenderungan-kecenderungan syahwat hingga melalaikan hak-hak Allah s.w.t. (al- Muhasibi 2003:173).

Sabar ketika menerima musibah pula adalah berjuang untuk mendapatkan sifat sabar dalam ujian penderitaan dan kesulitan. Pengertian kesusahan ini termasuklah menerima bala bencana seperti banjir, gempa bumi, kemiskinan, peperangan, kesakitan, kefakiran, kematian dan sebagainya. Hadirkan dalam diri bahawa ujian itu adalah dari Allah s.w.t. kepada seorang hamba-Nya dan menjauhi dari megeluh dan tidak rela dengan *qada'* Allah s.w.t itu (al-Muhasibi 2003:172).

#### e) Tawakal

Al- Muhasibi berpandangan bahawa tawakal adalah sandaran manusia terhadap Allah s.w.t dalam segala hal yang merangkumi suatu rancangan tetap (keputusan) atau kemahuan (azam) yang disertai dengan ikhtiar dalam melaksanakan rancangan tersebut (al- Muhasibi 1991:178).

Tawakkal dapat menimbulkan ketenangan jiwa, keamanan dan ketenteraman bagi orang mukmin. Keadaan yang demikian tidak dapat dirasakan secara benar kecuali orang-orang yang bertawakal kepada Allah s.w.t. Orang mukmin merasakan bahawa segala urusan alam tidak akan lepas dari genggamannya Allah s.w.t. Allah s.w.t. menganugerahkan ketenteraman dalam jumlah yang besar ke dalam hatinya. Ini menunjukkan bahawa penyerahan seorang muslim kepada Tuhan semestinya dilakukan setelah dia berupaya melaksanakan kewajibannya (al-Muhasibi 1991:178).

Tawakal juga dapat mengukuhkan akidah. Akidah yang kukuh dapat membawa seorang hamba mampu menyerahkan segala urusan kepada Allah s.w.t secara sempurna dan merasa tenteram dengan kekuasaanNya. Tawakal yang wajib dilakukan manusia adalah tawakal dalam membenarkan Allah s.w.t. Ianya berkait terhadap apa yang diberikan-Nya dalam jaminan rezeki manusia dan

datangnya rezeki tersebut pada waktu manusia percaya dengan yakin tanpa keraguan bahwa Allah s.w.t. lah yang Maha Pemberi rezeki, Yang Menghidupkan, Yang Mematikan dan segala-galanya atas kekuasaan-Nya (al-Muhasibi 1992:29-31).

#### f) Reda

Reda menurut al-Muhasibi banyak menyentuh dalam keadaan dimana seorang hamba yang menghadapi kesulitan. Adapun reda terhadap keadaan sebelum terjadi musibah bukanlah dinamakan reda akan tetapi niat untuk reda. Oleh itu, reda pada sudut ini adalah reda pada hati yang merasa bahagia ketika menerima takdir yang mendukacitakan ( al-Muhasibi 2003:175). Reda dalam menerima ketentuan Allah s.w.t tentang *qada'* dan *qadar* ke atas dirinya. Yakni merasa senang menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan Allah s.w.t sama ada berupa nikmat mahupun berupa musibah serta sering berbaik sangka dengan Allah s.w.t terhadap apa yang telah ditakdirkan kepadanya (al-Muhasibi 2003:174).

Lawan reda adalah marah (*sukht*), ia adalah pekerjaan hati yang berasa marah dan tidak boleh menerima ketentuan takdir Allah s.w.t. Justeru, cara untuk menuju reda adalah dengan meyakinkan diri bahawa Allah s.w.t. itu Maha Adil dalam setiap ketentuan-Nya, Dia tidak pernah salah dalam setiap yang Dia putuskan serta berbaik sangka kepada Allah s.w.t. Sebab hati sedar akan percaya bahawa hal itu adalah sebuah ujian dan Allah s.w.t. (al-Muhasibi 2003:270-271).

Apabila reda telah wujud dalam hati manusia, hati akan menjadi terang dan yakin bahawa taufik Allah s.w.t merupakan nikmat pemberian-Nya. Dia mengetahui bahawa yang dilakukan itu adalah terbaik untuk hamba-Nya dan atas dasar cinta-Nya kepada hamba. Lantas segala wasangka buruk terhadap Allah s.w.t akan hilang bahkan akan menimbulkan rasa syukur kepada Allah s.w.t dengan segala ketentuan yang dimiliki. Oleh itu keredaan dapat membangkitkan sikap dinamik dan aktif dalam perbuatan dan akan menatijahkan mental yang sihat.

#### g) Syukur

Biasanya reda itu selalu bersama dengan syukur. Bahkan syukur itu biasanya selalu menyertai reda, dimana setiap kali syukur itu bertambah, setiap kali itu juga reda bertambah dalam. Syukur menurut al-Muhasibi adalah menyedari segala nikmat kurniaan Allah s.w.t. Ianya termasuklah syukur terhadap nikmat pancaindera iaitu lisan, nikmat pandangan, nikmat pendengaran, nikmat tangan, dan nikmat kaki, juga syukur dengan nikmat makanan, nikmat harta, nikmat iman dan nikmat akal. Segala nikmat kurniaan Allah s.w.t ini perlu digunakan sebaiknya pada jalan ketaatan kepada Allah s.w.t (al-Muhasibi 2003:102).

Syukur dengan nikmat pancaindera adalah menggunakan nikmat lidah untuk membanyakkan membaca al-Qur'an dan berzikir, tidak berbicara perkara-perkara yang berbentuk dosa seperti memfitnah, mengumpat, menghina dan sebagainya. Pandangan pula harus dijaga dari melihat perkara-perkara yang mengharamkan dan juga melihat segala kebesaran Allah s.w.t dengan akal yang bersih. Pendengaran perlu dihalakan dengan mendengar ayat-ayat al-Quran, bacaan zikir dan nasihat-nasihat yang berguna. Nikmat tangan dan kaki pula adalah tidak menggunakan keduanya kepada perbuatan-perbuatan yang menuju dosa dan zalim (al-Muhasibi 2003:103).

Seterusnya, syukur dengan nikmat makanan dan harta adalah menggunakan keduanya ke jalan keredaan Allah s.w.t. Rezeki yang diberikan perlulah digunakan sebaiknya dan tidaklah membazir. Harta yang dimiliki perlu didermakan kepada golongan yang berhak dan hindarilah dari membelanjakan harta ke arah kemaksiatan dan dosa. Manakala nikmat iman pula perlu diarahkan kepada perbuatan-perbuatan yang disukai Allah s.w.t. disamping meninggalkan segala larangan-Nya (al-Muhasibi 2003:104).

Nikmat akal pula digunakan untuk berfikir, merenung dan mendalami ilmu pelajaran sama ada ilmu hasil dari fenomena alam mahupun ilmu-ilmu yang dituntut dalam Islam. Begitu juga akal digunakan untuk memelihara keselamatan hati dan memikirkan hal-hal yang disenangi Allah s.w.t. dan tidak sama sekali menggunakan akal untuk perkara-perkara keburukan seperti hasad, dengki,



memusuhi, dan pelbagai perkara buruk yang lain. Akal sepatutnya berfungsi untuk mengagungkan Allah s.w.t., bertakwa kepada-Nya serta malu untuk melakukan sebarang maksiat. Namun, jika ada insan yang tidak mampu untuk berbuat demikian, maka hendaklah dia tidak meremehkan apa-apa yang telah menjadi kefardhuan ke atasnya (al-Muhasibi 2003:105).

#### **h) Mahabbah**

Gabungan tahap taubat, warak, zuhud, sabar, tawakal, reda, dan syukur yang telah kukuh disemadikan dalam jiwa akan menghasilkan tahap *mahabbah*. *Mahabbah* adalah cinta kepada Allah s.w.t. dan dekat dengan-Nya. Kecintaan ini tidak akan terjadi melainkan keadaan jiwa telah mencapai tahap kesembuhan, sehingga dia melupakan kebencian, kedengkian, dendam, hasad dan berbagai kekotoran hati yang lain yang telah menjadi punca kerosakan kehidupan manusia.

Menurut al-Muhasibi, insan yang telah mencapai cinta sejati dapat dikenali dengan dua keadaan iaitu *mahabbah* hamba kepada Allah ta'ala dan *mahabbah* Allah s.w.t. kepada hamba-Nya. *Mahabbah* hamba kepada Allah s.w.t. adalah keredaannya kepada Allah s.w.t. dalam keteguhannya berpegang pada sunnah-sunnah Rasul Allah s.a.w. (al-Muhasibi 2003:191).

Manakala *mahabbah* Allah s.w.t. kepada hambanya dapat dilihat melalui sifat-sifat *mahmudah* yang dihiasi Allah s.w.t. kepadanya. Akhlak-akhlak itu akan selalu menganjurkan anggota tubuhnya melakukan hal-hal yang sesuai dengan ajaran Allah s.w.t. dan mencegahnya dari sebarang keburukan dari hal-hal yang tidak disukainya. Hal ini akan dapat dirasai kepada mereka yang telah bertekad dengan kuat pada hatinya untuk memenuhi hak-hak Allah s.w.t. tanpa sedikitpun dicampuri dengan unsur-unsur selain Allah s.w.t. (al-Muhasibi 2003:192).

Selain itu, Allah s.w.t. juga akan menimbulkan pada hati hambanya kepada suka menunaikan kewajiban-kewajiban dari Allah s.w.t. Hati dan anggota badannya yang lain sentiasa bersemangat untuk menunaikannya dengan terus-menerus memelihara kualitasnya. Begitu juga dengan amalannya, dia banyak mengerjakan ibadah-ibadah sunnah. Jiwanya pula diliputi dengan sifat lemah lembut, dikurniakan ilmu *mukashafah* (ilmu mampu melihat hikmah disebalik peristiwa), merasa nikmat ketika mengamati keagungan fenomena ghaib dan hijab keagungan Allah s.w.t. Hatinya yang mengkagumi kesempurnaan ciptaan Allah s.w.t. akan menjadikan seluruh anggota tubuhnya sentiasa mendapat faedah dan jiwanya terputus dari segala dorongan yang mengajak pada perkara yang sia-sia. Tekad hatinya akan memberontak jika diajak untuk bersuka ria, namun sebaliknya akan merasa nikmat dengan mendapat hidayah petunjuk itu. Tekad hati mereka selalu kukuh dan kuat, sementara rohnya sering berada di dalam keselamatan dan dekat di sisi Allah s.w.t. Mereka menganggap amalannya yang banyak masih sedikit. Mereka bersyukur jika diberi nikmat dan bersabar apabila tidak mendapat kurnia (al-Muhasibi 2003: 192).

Di samping itu, orang yang telah mendapat kecintaan Allah s.w.t. ini tidak akan terlepas dari musibah yang diuji oleh Allah Ta'ala kepadanya. Namun, musibah yang ditimpa kepadanya bergantung dengan kadar keimanannya. Orang yang paling tinggi kadar makrifatnya, paling tinggi keyakinannya dan paling sempurna keimanannya maka besar pula musibah yang akan ditimpanya (al-Muhasibi 2003:193).

Oleh yang demikian, hamba yang memiliki sifat *mahabbah* kepada Allah s.w.t. akan mendapat rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. melalui nikmat peribadi mulia yang dipenuhi dengan pelbagai sifat *mahmudah*. Rasa takwanya kepada Allah s.w.t. mampu menjadikan jiwanya tunduk terhadap kekuasaan Allah s.w.t. Keadaan ini membuatkan jiwa merasa nikmat dalam beribadat hingga dapat memutuskan jiwa dari segala bentuk syahwat, menjauhkannya dari berbagai kelazatan dunia. Jiwa akan menjadi reda terlebih dahulu sebelum takdir Allah diputuskan dan hati pula akan selalu merasa cukup dan terhindar dari berbagai fitnah. Justeru, jiwa yang tenang dan tenteram akan dapat mencapai *ma'rifah* Allah s.w.t. sampai akhir kehidupannya.

## **5.0 KESIMPULAN**

Sememangnya senario gejala sosial masyarakat kini khususnya masyarakat Islam semakin membimbangkan dan amat parah. Punca gejala sosial masa kini adalah berakar umbi dari pendidikan kejiwaan yang tidak sempurna berlandaskan ketaatan kepada Allah s.w.t. Insan yang meninggalkan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah dalam kehidupan menyebabkan dirinya tidak mempunyai jati diri dalaman yang kukuh dan mantap. Pendekatan yang digunapakai oleh al-Muhasibi dalam pendidikan kejiwaan sangat relevan diaplikasikan dalam konteks kehidupan masyarakat kini. Langkah penyelesaian gelojak jiwa yang dihuraikan oleh al-Muhasibi adalah suatu proses *pentarbiyahan* jiwa insan berlandaskan takwa kepada-Nya. Hanya insan yang bertakwa sahaja mampu melawan segala kemahuan dan godaan syaitan dan hawa nafsu yang menyesatkan. Insan yang telah terbangun dengan nilai-nilai yang mulia akan mendorong dirinya untuk mengecapi nikmat kebahagiaan dan keredaaan Allah yang hakiki.

## RUJUKAN

*Al-Qur'ān.*

Arena Che Kasim. 2000. *Pembangunan manusia menurut islam dan barat: Satu analisis teoritikal* 2000. Disertasi Sarjana. Jabatan Psikologi Dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arena Che Kasim. 2005. *Pembangunan manusia menurut al-Muhasibi dalam menyelesaikan masalah sosial*. Dlm. Junaenah Sulehan, Nor Azizan Idris, Nik Hairi Omar & Mohd. Yusof Hussain (pnyt.). *Masyarakat Perubahan dan Pembangunan*, hlm. 245-262. Bangi: Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gordon Marshall. 1998. *Oxford Dictionary of Sociology*. New York: Oxford University Press.

Hashim @ Fauzi Mat Rani. 2002. *Perlakuan rogol dan zina dari segi sosiologi dan psikologi bagaimana Islam menanganinya: Satu kajian di Penjara Kajang 2002*. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

John Macionic. 2004. *Social Problem*. New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River.

Mohd Kamal Hasan. 1981. *Pembangunan manusia secara sepadu dan implikasinya ke atas pendidikan kebangsaan*. Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan dalam Islam. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 7-8 November.

al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata'. 2003. *al-Wasaya*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq: Khalil 'Imran Mansur. 2000. *Al-Masa'il fi 'Amal al-Qulubwa al-Jawarih*. Kaherah: Dar Kutub al-Ilmiyah.

al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq: Majdi Fathi Sayyid. 1991. *Bad' Man Anabaila Allah*. Kaherah: Dar al-Salam.

al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Qadir Ahmad 'Ata'. 1990. *al-Ri'ayah li Huquq Allah*. Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyah.

al-Muhasibi, Abu 'Abd Allah Harith. Tahqiq 'Abd al-Fatah Abu Ghadah. 1988. *Risalah al-Mustarsyidin*. Kaherah: Dar al-Salam.

Mustapha Man. 1995. *Masalah penderaan dalam rumahtangga dan penyelesaiannya*. Dlm. Mahadi Osman, Nurul Akla Abdullah & Saadia Hassan (pnyt.). *Masyarakat Melayu & Gejala Sosial*:

*Proses Penyelesaian Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke-21*, hlm. 63-72. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.

al-Nadwa. <sup>c</sup>Abd al-Rasyid Ibn Adam Mahmud. 1994. *Manhaj al-imam al- muhasibi fi tazkiyah al-nafs: dirasahtahliliyyah 1994-1995*. Tesis Sarjana, Jabatan Ilmu Wahyu dan Ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa.

al-Najar. Amir al-Najar.2004a.*Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Moden*.Terj. Ija Suntana. Jakarta: Penerbit Hikmah.

al-Nashar. <sup>c</sup>AliSyami al-Nashar. 1975. *Nash'ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Mesir: Dar al-Ma<sup>c</sup>arif.

SahinFilliz. 2006. The founder of the muhasabah school of sufism: Al-harith ibn asad al-muhasibi. *Jurnal Islamic Studies* 45(1): 59-81.

Smith, Margaret Smith. 1973. *An Early Mystic of Baghdad*. London: The Sheldon Press.